



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang

Telefon : 04-657 5500
Faks : 04-658 2500
Laman Web : <http://jpnpp.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPNPP(UKK)100 – 4/4 Jld. 50 (53)

Tarikh : 2 SEPTEMBER 2021

Encik Izwan Hadi bin Zamhuri

Elvira Systems Sdn. Bhd.
6th Floor Suite 16,
IOI Business Park,
Persiaran Puchong Jaya Selatan,
Bandar Puchong Jaya
47100 Selangor

Tuan,

MAKLUMBALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGLIBATAN MURID BAGI PERTANDINGAN MICRO:BIT INNOVATION & ROBOTIC COMPETITION (mIRC 2021) SECARA DALAM TALIAN

Dengan hormatnya surat pihak tuan bertarikh 25 Ogos 2021 dirujuk dan perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri ini.

3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan *Novel Coronavirus* (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal dan aktiviti berkumpulan secara bersemuka merupakan antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam norma baharu. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti kokurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak JPN Pulau Pinang mengambil maklum akan permohonan tuan (selepas pindaan tarikh) serta **tiada halangan** bagi penganjuran Pertandingan Micro:bit Innovation & Robotic Competition (mIRC 2021) secara dalam talian pada 1 September 2021 hingga 17 Oktober 2021. Surat maklumbalas ini perlu dibaca bersama surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil 7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut;

- 4.1 semua murid terlibat hendaklah mendapat **kebenaran dan persetujuan daripada pengetua / guru besar sekolah** yang terlibat bagi menyertai program ini;

MAKLUMBALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGLIBATAN MURID BAGI PERTANDINGAN MICRO:BIT INNOVATION & ROBOTIC COMPETITION (mIRC 2021) SECARA DALAM TALIAN

- 4.2 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa / penjaga;
- 4.3 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.4 surat ini **tidak boleh** digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.5 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) / Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) / program / aktiviti sekolah;
- 4.6 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster / gegantung / hebahan digital / sijil** untuk semakan Unit Pembangunan Bakat Murid sebelum diedarkan;
- 4.7 pihak penganjur hendaklah memberi maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid-murid yang terlibat;
- 4.8 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberi laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 4.9 **tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (SPIBiL.5/2018)**
- 4.10 penggunaan logo Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo JPN berserta dokumen lengkap kepada Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang **selepas mendapatkan maklumbalas / surat sokongan permohonan penganjuran program ini;**
- 4.11 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti lampiran A)** kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan negeri Pulau Pinang **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;**
- 4.12 Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang berhak menarik balik surat kebenaran penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

**MAKLUMBALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGLIBATAN MURID BAGI PERTANDINGAN
MICRO:BIT INNOVATION & ROBOTIC COMPETITION (mIRC 2021) SECARA DALAM TALIAN**

5. Pihak tuan dipohon **tidak meletakkan sebarang maklumat berkaitan pengiktirafan markah kokurikulum** dalam sebarang bahan edaran atau promosi sehingga menerima status pengiktirafan daripada pihak kami.

6. Maklumbalas penganjuran program ini hanya untuk **Elvira System Sdn. Bhd.** yang akan menganjurkan Pertandingan Micro:bit Innovation & Robotic Competition (mIRC 2021) secara dalam talian pada 1 September 2021 hingga 17 Oktober 2021 sahaja. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.

7. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi En. Shamsir Jemain di talian 04-652 1195 sambungan 1041 / 012-428 7811 atau emel shamsir@jpnpp.edu.my

Sekian , terima kasih.

“PULAU PINANG PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



ABDUL SAID BIN HUSSAIN BCN, PKT,PJK
Timbalan Pengarah, Sektor Pembangunan Murid,
b.p. Pengarah,
Jabatan Pendidikan Pulau Pinang
No Tel : 04-652 1047
E-mel : ukk@jpnpp.edu.my

sk: 1. KPPD Timur Laut / KPPD Barat Daya / KPPD Utara / KPPD Tengah / KPPD Selatan

5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti

6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang diturunkan *(jika berkaitan)*

7.0 Tetamu Kehormat (VIP) *(jika berkaitan)*

8.0 Pemenang *(jika berkaitan)*

9.0 Isu dan cabaran

10.0 Cadangan Penambahbaikan

11.0 Gambar

Disediakan Oleh:

Tarikh